

## **BAB 2**

### **TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Bab ini meninjau kajian lepas bagi faktor-faktor yang dikaji . Tinjauan adalah meliputi latarbelakang sejarah kelahiran ilmu saraf , pengasas ilmu saraf, peringkat perkembangan ilmu saraf , aliran-aliran bahasa Arab , tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan pembentukan kata dengan tumpuan kepada aspek wazan , pembentukan kata kerja, *isnād al-fi'l ilā damā'ir* , kata *al- ishtiqāq* ( derivasi ). Tinjauan juga merangkumi proses-proses pembentukan kata dari aspek-aspek perubahan morfologi sebagai elemen yang wujud dalam analisis pembentukan kata .

#### **2.1 SEJARAH KELAHIRAN ILMU SARAF**

Orang Arab dalam zaman jahiliah dan awal Islam menggunakan bahasa Arab dengan betul mengikut tabiat dan bakat semulajadi mereka ( Muḥammad ‘Abdul Khāliq al-‘Uḍaīmat ,1962 : 7 ) sehingga datang Islam dan turunnya al-Quran dalam bahasa Arab yang menjadi satu mu’jizat . Agama Islam tersebar luas di seluruh semenanjung tanah Arab dan dunia sekitarnya . Ia mendapat sambutan yang luar biasa dalam kalangan berbagai bangsa dan masyarakat dan ramai yang memeluk Islam tanpa mengira bangsa , bahasa , keturunan dan adat .

Apabila Islam berjaya meluaskan wilayah taklukannya di sebelah timur dan barat, selatan dan utara, maka jadilah Islam satu agama antarabangsa dan masyarakat Arab menjadi tumpuan umat Islam yang berbilang bangsa, bahasa dan adat. Hubungan antarabangsa antara umat Arab dan bukan Arab semakin meluas terutama pergaulan antara mereka dalam berbagai bidang kehidupan sosial, ekonomi, politik dan sebagainya (Mohammad bin Mustafa 1995 :10). Keadaan demikian telah memberi kesan negatif kepada bahasa Arab, antaranya :

1. Bakat semulajadi dalam bahasa Arab menjadi lemah terutama bagi generasi yang hidup dalam masyarakat majmuk itu.
2. Berlaku kesilapan bahasa Arab yang ketara dalam kalangan orang Arab dan bukan Arab, sehingga merebak kepada kesalahan yang serius terhadap bacaan al-Quran.

Wabak penggunaan bahasa yang salah dalam kalangan masyarakat Arab dan kesalahan dalam membaca al-Quran merupakan faktor utama kelahiran ilmu nahu dan saraf. Kelahiran ilmu nahu dan saraf bertujuan menjaga bahasa Arab dari gejala pencemaran bahasa yang merosakkan dan memelihara al-Quran dari sebarang kesilapan dalam pembacaannya (Shawqiy Daif, 1968 : 11).

Dalam hal ini Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Zubaidiy (1986 : 7) menegaskan perkara tersebut dalam buktunya *lahn al-‘Ammah* berbunyi :

وَلَمْ تَزَلِ الْعَرَبُ فِي جَاهِلِيَّتِهَا وَصَدَرَ الْإِسْلَامَ تَبَرُّعُ فِي نُطْقِهَا بِالسَّجِيَّةِ  
 وَتَتَكَلَّمُ عَنِ السَّلِيْقَةِ حَتَّى فُتِحَتِ الْمَدَائِنُ وَمُصِرَّتِ الْأَمْصَارُ وَدَوَّنتِ  
 الدَّوَاوِينُ فَاخْتَلَطَ الْعَرَبِيُّ بِالنَّبَطِيِّ وَالتَّقِيُّ بِالْحِجَازِيِّ بِالفَارِسِيِّ وَدَخَلَ  
 الدِّينَ أَخْلَاطُ الْأُمَمِ وَسَوَاقِطُ الْبُلْدَانِ فَوَقَعَ الْخَلْلُ فِي الْكَلَامِ وَبَدَأَ  
 اللُّحْنُ فِي أَلْسِنَةِ الْعَوَامِ

*Orang Arab di zaman jahiliyyah dan permulaan Islam sentiasa baik dalam pertuturannya secara semulajadi dan bercakap secara tabii, sehingga dibuka bandar-bandar dan kota-kota menjadi Bandar besar , dewan –dewan dibina lalu bercampur orang-orang Arab dan bukan Arab dan bertemulah orang-orang Hijaz dan Farsi , masuklah ke dalam Islam berbagai bangsa dan negeri yang jauh ke dalam taklukannya , maka berlakulah kecacatan di dalam percakapan Arab dan bermulalah kesalahan bahasa di dalam pertuturan orang awam .*

Menurut ‘Abdul Ḥādī al-Faḍli ( 1986 : 5 , 23 ), seorang ahli linguistik terkenal di Timur Tengah , terdapat dua faktor yang menjadi asas kepada kelahiran ilmu saraf dan nahu iaitu :

1. Faktor Sosial ( الْعَامِلُ الْإِجْتِمَاعِي )
2. Faktor Tamadun ( الْعَامِلُ الْحَضَارِي )

Faktor sosial ialah untuk mengatasi masalah kesalahan dan kesilapan penggunaan bahasa Arab dalam percakapan dalam kalangan masyarakat kampung dan bandar setelah mereka banyak bergaul dan berinteraksi dengan orang-orang bukan Arab .

Faktor tamadun pula ialah bermaksud tranformasi pemikiran yang dicipta oleh agama Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah di dalam kehidupan orang Arab . Islam telah merubah pemikiran mereka daripada negatif dan berfikiran beku kepada keterbukaan yang mendorong mereka berfikiran ke arah percambahan ilmu-ilmu Islam dan Arab .

Ilmu saraf dan nahu merupakan salah satu disiplin ilmu yang popular dalam tamadun Islam dan mempunyai hubungan erat dengan agama Islam dan al-Quran . Namun ahli estimologi tidak dapat memberi satu tarikh yang tepat tentang kelahiran ilmu saraf . Sebaliknya mereka menegaskan bahawa ilmu saraf merupakan satu bahagian daripada ilmu nahu (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965: 29 , 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 107).

## **2.2 PENGASAS ILMU SARAF**

Proses kelahiran ilmu saraf tidak berlaku secara mengejut, malah ianya mengambil masa yang agak lama dan melalui proses yang panjang di dalam masyarakat ( Shawqiy Ḍaif ,1968 : 13 ) . Keadaan ini menyebabkan siapakah pengasas dan pelopornya tidak diketahui dengan jelas . Kemunculan ilmu saraf pada awalnya seiring dengan kemunculan ilmu nahu . Perbahasan ilmu saraf dibincang bersama dengan ilmu nahu . Kemasyhuran ilmu saraf tidaklah setanding dengan yang dicapai oleh ilmu nahu ( 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 107 ), Malah tokoh-tokoh cendikiawan ilmu saraf juga merupakan tokoh cendikiawan ilmu nahu seperti Khalīl ,

Sībawayh, al-Akhfash, al-Kisā'iy , Ibn Jinniy , Ibn Mālik dan lain-lain lagi . Justeru , berlaku perbezaan pendapat dalam menentukan siapakah pengasasnya .

Menurut al-Zabīdiy ( 1954 : 135 ) orang yang pertama meletak batu asas tentang ilmu saraf adalah 'Aliy bin 'Abī Ṭālib r.a berdasarkan teguran sayyidina 'Aliy terhadap kesalahan bentuk kata yang diucapkan oleh segelintir masyarakat pada waktu itu , maka beliau telah meletakkan asas kepada ilmu saraf .

Menurut al-Suyūṭiy pula pengasas ilmu saraf adalah Mu'ādh bin Muslim al-Ḥarrā' . Beliau dilahirkan pada zaman pemerintahan 'Abdul Mālik bin Marwān . al-Suyūṭiy mempertahankan pendapatnya itu berdasarkan satu riwayat daripada Abū Muslim iaitu seorang pegawai khas kepada 'Abdul Mālik bin Marwān. Semasa beliau bersama Mu'ādh dalam satu majlis dialog, beliau telah mendengar Mu'ādh menggunakan wazan sewaktu ia berkata kepada seorang lelaki : Apa pendapat awak tentang ungkapan “ وَتَوَزُّهُمْ أَرَا ” “ يَا فَاعِلٌ اِفْعَلْ ” ( Shawqiy Daif ,1967 : 154 ) .

Muṣṭafa 'Abdul 'Azīz al-Shajrajiy ( 1986 : 25 ) pula menegaskan bahawa pengasas hakiki ilmu saraf dan *al-mīzān al-ṣarfiy* ialah Khalīl bin 'Aḥmad berdasarkan kandungan al-Kitāb karangan Sībawayh yang mengupas isu-isu berkaitan nahu dan saraf banyak merujuk kepada gurunya iaitu Khalīl bin 'Aḥmad .

Seorang penganalisis bahasa iaitu Khadījah al-Ḥadīthiy ( 1965 : 28-29 ) telah menjadikan Sībawayh sebagai penanda aras kepada kemunculan ilmu saraf . Untuk memudahkan kajian , beliau membahagikan kemunculan ilmu saraf kepada dua zaman , iaitu zaman sebelum dan selepas Sībawayh.

Zaman sebelum Sībawayh , bermula sebelum penerbitan bukunya yang berjudul al-Kitāb dan berakhir selepas penerbitan buku tersebut . Manakala zaman selepas pula bermula selepas penerbitan al-Kitāb karangan Sībawayh. Menurut Khadījah al-Ḥadīthiy lagi pada zaman pertama , ilmu saraf tidak dikenali langsung malah tidak kedapatan sarjana dan cendikiawan yang membicarakan atau menulis tentang topik – topik yang berkaitan ilmu saraf sehingga lahirnya Sībawayh . Walau pun terdapat berbagai riwayat yang menyatakan sayyidina ‘Aliy bin ‘Abī Ṭālib atau Mu‘ādh bin Muslim al-Ḥarrā’ dan Khalīl bin ‘Aḥmad sebagai pengasasnya atau riwayat, namun ia hanya sekadar menyebut beberapa contoh berkaitan ilmu tasrif bukannya membicarakan ilmu tersebut secara sistematik mengikut bab dan fasal-fasal yang lengkap seperti yang dilakukan oleh Sībawayh . Justeru , beliau dengan tegas mengatakan bahawa pengasas sebenar ilmu saraf adalah Sībawayh berdasarkan bukunya “ al-Kitāb ” yang merupakan buku terulung yang membicarakan ilmu saraf secara terperinci dan menjadi rujukan pertama kepada ahli-ahli dan tokoh-tokoh bahasa yang lahir selepasnya .

Pengkaji pula berpendapat bahawa pendapat yang pertama iaitu pendapat yang mengatakan sayyidina ‘Aliy bin ‘Abī Ṭālib sebagai pengasas ilmu saraf dan nahu adalah pendapat yang betul berdasarkan kepada beberapa alasan iaitu ;

- 1 Pendapat ini merupakan pendapat majoriti ahli-ahli sejarah .
- 2 Pendapat ini menjadi pegangan ramai tokoh-tokoh bahasa dan ahli linguistik moden seperti Kamāl Ibrāhīm , Fakhrudin Qabāwah , Muṣṭafa al-Sara , ‘Ali al-Najdi Nāsif , ‘Abdul Ḥamīd al-Sayyid Ṭalab .

Apabila timbul masalah penggunaan bahasa yang salah, gejala ini membawa pihak berkuasa dalam masyarakat berfikir untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sayyidina ‘Aliy adalah Khalifah dan ketua negara pada masa itu, maka dengan sendirinya, beliaulah orang yang berfikir secara praktik untuk mengatasi masalah tersebut dan beliau sendiri terkenal dengan ketokohan dan kefasihan berbahasa dan menggunakan keindahan gaya bahasa sehingga tidak diketahui selepas Rasulullah ( s.a.w ) dalam kalangan salaf dan khalaf orang yang lebih baik berbahasa dan percakapannya daripada sayyina ‘Aliy bin ‘Abī Ṭālib .

### **2.3 PERINGKAT PERKEMBANGAN ILMU SARAF**

Kelahiran ilmu saraf sebagai satu bidang disiplin ilmu yang sangat popular dalam tamadun Islam adalah mempunyai hubungan yang erat dengan ilmu nahu ( Mahdīy al-Makhzūmiy , 1982 : 28 ). Kelahiran ilmu saraf juga dikatakan serentak dengan kelahiran ilmu nahu kerana ia merupakan sebagai cabang daripada ilmu nahu . Justeru , pada awal kelahirannya , ilmu saraf dibincang bersama dengan ilmu nahu sehingga perhubungan antara keduanya seolah-olah tidak boleh dipisahkan ( ‘Abduh al-Rājīhiy , t.t : 145 ) . *al-Mīzān al-ṣarfiy* pula merupakan asas atau dipanggil “*abjadiyyah*” dalam ilmu saraf ( ‘Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 95 ) .

Ahli-ahli sejarah telah membahagikan perkembangan ilmu saraf kepada empat peringkat iaitu :

1. Peringkat Penggubalan dan Pembentukan

Peringkat ini bermula dari awal zaman Khalīl bin 'Aḥmad al-Baṣri ( m 175 H ) sehingga kelahiran al-Kitāb Sībawayh. Pada peringkat ini ilmu saraf tidak menonjol dan tenggelam di sebalik kemasyhuran ilmu nahu ( Shawqiy Ḍaif , 1968 : 33 ) .

2. Peringkat Perkembangan

Peringkat ini bermula di zaman Sībawayh ( m 180 H ) . Pada peringkat ini perihal saraf bertaburan dalam kitab nahu . Segala permasalahan yang berkaitan ilmu saraf ditangani bersama dengan ilmu nahu ( 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini, 1987 : 105 ) . Antara tokoh-tokoh yang mengikuti jejak langkah Sībawayh adalah al-Zajājiy ( m 340 H ) dengan karyanya *al-Jumal* dan Ibn Jinniy ( m 392 H ) dengan bukunya “ *al-Khaṣā'is*” .

3. Peringkat Matang dan Pengkhususan

Pada peringkat ini perihal saraf dihurai dan diolah secara berasingan daripada ilmu nahu dalam kitab-kitab yang berasingan. Peringkat ini menyaksikan kemunculan ramai sarjana-sarjana yang cuba mengupas topik-topik tertentu daripada ilmu saraf dalam karya-karya yang berasingan ( 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnainiy , 1987 :



105 ). Namun kupasan yang dilakukan tidak setanding dengan peringkat sebelumnya . Antara sarjana yang mengambil bahagian pada peringkat ini ialah al-Farrā' ( m 208 H) dengan dua buah bukunya yang berjudul “*Kitāb al-Manqūṣ Wa al-Mamdūd*” dan “*al-Muzakkar Wa Mu'annath*” , Ibn Sikīt ( ( m 244H ) dengan bukunya “*Kitāb al-'Ibdāl*” , 'Abī Ṭayyib al-Washā' ( m 325 H ) dengan bukunya “*Kitāb al-Mamdūd Wa al-Maqṣūr*” , Ibn Ḥājjib ( m 346 H ) dengan bukunya “*al-Shāfiyah*” , Abū 'Uthmān al-Māziniy al-Baṣriy ( m 347 H ) dengan bukunya “*al-Taṣrīf*” , Ibn Fāris ( m 390 H ) dengan bukunya “*al-Muzakkar Wa Mu'annath*” , Ibn Jinniy ( m 392 H ) dengan bukunya “*al-Munṣif*” , Ibn al-Qaṭṭā' al-Saqliy ( m 515 H ) , Ibn al-Qūṭibah ( m 367 H ) dan Ibn Saraquṣṭiy ( m 400 H ) yang masing-masing dengan buku yang berjudul “*Kitāb al-'Af'āl*” , Ibn 'Uṣfūr ( m 669 H ) dengan bukunya “*al-Mumti' fi Taṣrīf*” ( 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini, 1987 : 105 ).

#### 4. Peringkat Zaman Moden .

Pada peringkat ini kajian-kajian berkaitan ilmu saraf dibuat secara berasingan dan bebas daripada ilmu nahu melalui reformasi dan pembaharuan supaya ianya sesuai dengan perkembangan ilmu dan manusia di zaman moden . Antara tokoh yang melopori peringkat ini ialah 'Aḥmad al-Ḥamlāwiy dengan bukunya “*shadha al-'arf fi fan al-ṣarf*” yang dicetak pada tahun 1893 . Kemudian muncul pula 'Abdul al-Khāliq 'Uḍaimah dengan bukunya “*al-mughni fi al-taṣrīf*” yang diterbitkan pada tahun 1955 . Kemudian diikuti oleh 'Abdullah 'Amīn dengan

bukunya “ *al-ishtiqāq*” pada tahun 1956 , kemudian disusuli oleh Kamāl Ibrāhīm dengan bukunya “ *umdat al-ṣarf*” pada tahun 1957 , kemudian muncul pula Muḥammad Muḥyiddin ‘Abdul Ḥamīd dengan bukunya “ *durūs al-taṣrīf*” pada tahun 1958 dan ‘Abdullah Darwish dengan bukunya “ *dirāsāt fī ‘ilm al-ṣarf* ” pada tahun 1959 . Enam tahun kemudian yaitu pada tahun 1965 muncul ahli linguistik modern dan penganalisis ilmu saraf yaitu Khadījah al-Ḥadīthiy dengan tesis sarjana berjudul “ *‘abniyyat al-ṣarf fī Kitāb Sībawayh*” Sejurus kemudian muncul pula Fu’ād Ni‘mat dengan “ *mulakkaṣ qawā’id al-lughat al-‘Arabiyyat*” pada tahun 1973 .

#### **2.4 ALIRAN-ALIRAN BAHASA ARAB**

Apabila ilmu nahu Arab dan saraf berkembang dengan pesat dan menjadi suatu disiplin ilmu yang penting , maka lahirlah berbagai-bagai aliran dan mazhab. Ahli-ahli setiap aliran cuba melahirkan pandangan mereka dan mengemukakan metodologi mereka sendiri berdasarkan bukti dalil dan hujah-hujah tertentu . Aliran-aliran yang paling berpengaruh ialah aliran Baṣrah , aliran Kūfah , aliran Baghdād , aliran Andalus dan aliran Mesir .

### 2.4.1 Aliran Baṣrah

Mazhab Baṣrah ini merupakan aliran yang terawal dalam sejarah dan menjadi pelopor serta pengasas kepada ilmu linguistik Arab. Aliran ini juga berjaya mengukuhkan institusi bahasa Arab dan meletakkan garis-garis panduan dan hala tuju perkembangan ilmu bahasa Arab. Justeru, ia menjadi landasan dan rujukan utama kepada aliran-aliran lain yang lahir selepasnya.

Menurut Muṣṭafa ‘Abdul ‘Azīz al- Sinjārjiy ( 1986 ), pengasas hakiki aliran Baṣrah ialah al-Khalīl bin ‘Aḥmad al-Farahīdiy ( m 175 H ). Aliran yang diperkenalkan oleh beliau seterusnya dipanjangkan oleh muridnya yang terkenal iaitu ‘Abū Bishr ‘Amru bin ‘Uthmān bin Qanbūr yang terkenal dengan panggilan Sībawayh. Sībawayh begitu mahir dalam ilmu nahu dan sehingga beliau digelar sebagai imam ahli-ahli nahu ( إمام النحاة ). Warisan peninggalannya yang paling utama ialah “ *al-Kitāb* ” yang mengandungi prinsip-prinsip utama metodologi aliran Baṣrah ( Muṣṭafā ‘Abdul ‘Azīz al- Sinjarjiy , 1986 : 17-18 ). Beliaulah ahli linguistik pertama yang memperkenalkan ilmu saraf dalam bentuk karya penulisan yang lengkap bersandarkan bab dan fasal, sehingga Khadījah al-Ḥadīthiy ( 1965 : 28-29 ) menganggap beliau orang pertama mengasas ilmu saraf.

Kekuatan aliran Baṣrah terletak pada usaha dan jasa Sībawayh yang besar dalam bidang nahu dan saraf. *al-Kitāb* karangan Sībawayh mempunyai pengaruh yang besar terhadap sarjana-sarjana bahasa yang lahir selepasnya.

Aliran Baṣrah mempunyai ciri-ciri metodologi tersendiri sebagai satu mazhab yang unggul. Ciri-ciri yang paling utama ialah :

1. Teliti , cermat dan berhati-hati dalam memilih sumber dalil yang sah dan menyakinkan .
2. Menggunakan dalil-dalil ‘aqliyah, qiyās dan alasan-alasan yang bersifat falsafah .
3. Berdalil kepada ayat-ayat al-Quran.
4. Tidak berdalil kepada hadith-hadith nabi ( Shawqī Ḍaif ,1967 : 19 ) .

#### **2.4.2 Aliran Kūfah**

Aliran Kūfah muncul agak lewat dan terkemudian daripada aliran Basrah lebih kurang seratus tahun . Pada waktu itu ulamak-ulamak di Kūfah lebih menumpukan kepada ilmu Fiqh , Hadith , Qira’at , Sastera , sedangkan ulamak-ulamak Baṣrah sibuk dengan ilmu bahasa, nahu, ilmu kalam ,falsafah dan Mantiq ( Muṣṭafā ‘Abdul ‘Azīz al- Sinjarjiy ,1986 : 36 ).

Pengasas aliran Kūfah ialah ‘Abdul Ḥassan ‘Aliy bin Ḥamzah al-Kisā’iy ( m 119 H ). Beliau dilahir dan dibesarkan dia Kūfah dan belajar dengan guru-guru bahasa Arab di Kūfah . Guru beliau yang terkenal ialah Mu‘ādh bin Muslim al-Harrā’ ( m 190 H ) dan ‘Abū Ja‘far al-Ru’āsiy . Kemudian beliau berpindah ke Baṣrah dan belajar dengan beberpa orang pemimpin aliran Baṣrah teruatama Khalīl bin

'Aḥmad . Apabila beliau kembali ke Kūfah , beliau telah menyebarkan ilmunya dan memperkenalkan metodologi khusus untuk menguatkan mazhab aliran Kūfah. Kemasyhuran beliau bukan sahaja pada ilmu bahasa malah ahli sejarah menganggapnya sebagai salah seorang qurrā' yang masyhur ( Muṣṭafā 'Abdul 'Azīz al- Sinjarjiy ,1986 : 39)..

Hubungan al-Kisā'iy dengan Ḥārūn al-Rashīd yang menjadi Khalifah dan ketua negara pada masa itu telah menaik imej ilmu aliran Kūfah , di mana ketua-ketua negara memberi kepercayaan kepadanya dan ahli-ahli bahasa Kūfah untuk mengajar dan mendidik anak-anak mereka . Antara murid-muridnya yang terkenal dan menjadi pemimpin aliran Kufah selepas kematiannya ialah 'Abū Zakaria Yaḥya bin Zaid bin 'Abdullah al-Farrā'( m 208 H ) ( Shawqiy Ḍaif ,1967 : 173 ) .

Aliran Kūfah tidak banyak berbeza dengan aliran Baṣrah dalam perkara pokok yang umum . Kūfah membina alirannya di atas perkara yang ditegakkan oleh Baṣrah . Walau bagaimana pun Kūfah mampu melahirkan untuk dirinya suatu mazhab baru yang mempunyai ciri-ciri metodologi dan prinsip-prinsip tersendiri . Antara Ciri-ciri metodologi aliran Kūfah ialah :

1. Menggunakan sumber bahasa Arab daripada orang-orang Arab dan puisi-puisi Arab sebagai dalil utama .
2. Metodologi aliran Kufah banyak berorientasikan kaedah qurrā' dan menggunakan dalil 'aqliyyah ,qiyās-qiyās yang logik dan alasan-alasan yang bersifat falsafah .

3. Berdalil dengan ayat-ayat al-Quran ( ‘Abdul ‘A’lā Sālim Mukram, 1965 : 123 ).
4. Tidak berdalil dengan al-Ḥadith .

### **2.4.3 Aliran Baghdād**

Aliran Baghdād lahir pada kurun ketiga hijrah , ketika pemimpin –pemimpin besar aliran Baṣrah dan Kūfah berhijrah ke kota Baghdād . Kemewahan dan keindahan kota Baghdād telah menarik ramai pemimpin – pemimpin dua aliran berhijrah ke kota Baghdād . Ahli-ahli linguistik Kūfah adalah yang terawal berhijrah ke Baghdād untuk menyebarkan aliran-aliran pemikiran mereka. Justeru , Baghdād mengambil inisiatif menggabungkan kedua-dua pemimpin besar tersebut (Muṣṭafā ‘Abdul ‘Azīz al-Sinjarjiy , 1986 : 71) .

Persaingan subur antara dua aliran mazhab tersebut telah berjaya membentuk satu generasi baru yang mempelajari bahasa Arab dan metodologi dari ulamak dua mazhab itu . Lantaran itu lahirlah mazhab baru yang mana prinsip dan rupa bentuknya bersumberkan dua mazhab yang lalu. Mazhab ini dikenali sebagai mazhab Baghdādiyyin. Generasi awal aliran Bahgdād ini dilihat terdiri daripada tiga kelompok iaitu :

1. Kelompok yang terpengaruh dengan aliran Baṣrah dan metodologinya .  
antaraanya ialah Ibn al-Sarrāj ( m 216 H ), al-Zajjājiy ( m 338 H ), Ibn  
Durustawayh ( m 347 H ) ,
2. Kelompok yang didominasi oleh pendekatan dan aliran Kūfah . Antaranya  
ialah 'Abū Mūsā al-Ḥamīd ( m 305 H ) , Ibn Shuqair ( m 3 H ).
3. Kelompok yang mengambil jalan tengah antara dua aliran Baṣrah dan  
Kūfah . Mereka adalah Ibn Quṭaibah ( m 276 H ) , Ibn Kaisān ( m 299  
H ) , al-Akhfash ( m 315 H ) , Ibn al-Khayyāt ( m 320 H ).

Bagaimana pun ketiga-tiga kelompok tersebut hilang secara beransur-ansur dan  
akhir mereka bersatu dalam satu mazhab yang dinamakan mazhab Baghdād .  
Menjelang abad keempat mazhab aliran Baghdād ini sudah mantap dan kuat serta  
mempunyai prinsip dan metodologi yang tersendiri . Antara tokoh linguistik aliran  
Baghdād yang terkenal ialah Ibn Kaisān , al-Zajājiy ,Abū'Aliy al-Fārisiy ( m 377 H )  
dan muridnya Ibn Jinniy ( m 392 H ) , Zamakhshariy ( m 538 H ) ( Shawqiy Ḍaif ,  
1967 : 245 ) .

Oleh kerana kelahiran aliran ini kesan daripada pertemuan , gabungan dan  
pencantuman antara dua mazhab iaitu Baghdād dan Kūfah ,maka metodologi aliran  
Baghdād ini tidak jauh berbeza daripada dua aliran yang lalu berkaitan perkara-  
perkara pokok di samping mempunyai prinsip-prinsip dan metodologi yang  
tersendiri iaitu :

1. Membuat perbandingan antara mazhab-mazhab yang lalu serta memilih pendapat –pendapat yang betul .
2. Mengemukakan pendapat-pendapat baru hasil penerokaan mereka sendiri .
3. Terpengaruh dengan logik dan alasan-alasan yang bersifat falsafah .

#### **3.4.4 Aliran Andalūsia**

Pengajian bahasa Arab telah berkembang pesat di Andalūsia sekitar abad kedua Hijrah berikutan ramai orang Andalusia belajar di Kūfah . Orang pertama yang berperanan membawa ilmu bahasa ke Andalūsia ialah Jūdi ‘Uthmān al-Mawrūriy al-Maghribiy ( m 198 H ) iaitu murid kepada al-Kisā’iy , al-Farrā’ dan al-Riyāshiy . Setelah satu abad aliran Kūfah bertapak di Andalūsia barulah muncul aliran Baṣrah melalui Muhammad bin Mūsa al-Afūsheniq ( m 307 H ) iaitu murid kepada al-Māziniy . Kemudian muncul pula aliran Baghdād yang dibawa oleh ‘Aliy bin Muḥammad Ismā‘il al-’Anṭāqiy ( m 370 H ) murid kepada ‘Abī Qāsim al-Zajjājiy dan diikuti oleh ‘Aliy Ibrāhīm al-Tabrīziy ( m 321 H ) ( ‘Abdul Ḥādi al-Faḍli , 1986 : 52-53 ).

Kehadiran tiga aliran mazhab ke kota Andalūsia menjadikan Andalūsia sebagai salah satu pusat pengajian bahasa Arab khususnya ilmu nahu yang terkenal di dunia . Apabila pengajian bahasa giat kerkembang di Andalūsia , lahir pula di kalangan ahli-ahli bahasa Andalusia satu aliran baru yang bersumberkan mazhab-mazhab aliran



Baṣrah ,Kūfah dan Baghdād . Mereka mempunyai banyak ijihad dan pendapat yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana mereka yang terkenal seperti Ibn Mālik ( m 672 H ), Ibn ‘Uṣfūr ( m 663 H ) , Abu Ḥayyān ( m 745 H ) , Ibn Maḍā’ ( m 592 H ) dan lain-lain .

Metodologi yang digunakan oleh ahli-ahli linguistik aliran Andalūsia ini mempunyai cirri-ciri yang tersendiri yang menjadikannya suatu mazhab yang unit . Ciri-ciri metodologi aliran Andalūsia boleh diringkas seperti di bawah :

1. Membuat perbandingan antara mazhab aliran Baṣrah , Kūfah dan Bahgdād serta memilih pendapat yang betul dari tiga aliran mazhab tersebut .
2. Menerima pendapat – pendapat baru berdasarkan ijihad aliran mereka sendiri.
3. Mereka tidak mendalami alasan-alasan logik nahu dan saraf sebaliknya mereka berdalil kepada teks al-Quran , al-Hadith , puisi-puisi Arab , nukilan orang orang yang fasih ( Shawqi Ḍaif , 1967 : 300 ).
4. Mereka tidak bersumberkan kepada *qiyās-qiyās* yang diciptakan .
5. Mereka mengelak daripada memperbanyakkan pecahan-pecahan dan cabang –cabang dalam masalah yang tidak ada banyak manfaat .
6. Mereka mempermudah pengajian bahasa dan nahu .

### 3.4.5 Aliran Mesir

Sejarah perkembangan bahasa Arab di Mesir didapati sudah bertapak dan berakar umbi sejak sekian lama . Beberapa pemimpin aliran Basrah antaranya ‘Abdul Raḥmān bin Hurmūz ( m 117 H ) iaitu murid kepada ‘Abū ‘Aswad al-Du’aliy ( m 69 H ) pernah mengajar kaedah bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Fustaṭ dan Iskandariyyat untuk membolehkan mereka membaca al-Quran . Pada abad ke tiga Hijrah linguistik aliran Basrah berkembang sehingga ke Mesir melalui al-Wallād bin Muḥammad al-Tamīmiy ( m 236 H ) . Beliau dilahirkan di Baṣrah dan dibesarkan di Mesir. Beliau sempat berguru kepada al-Khalīl bin ‘Aḥmad al-Farāhidīy ( m 175 H ) di Baṣrah dan al-Mahlabīy iaitu murid kepada al-Khalīl bin ‘Aḥmad al-Farāhidīy di Mekah . Beliaulah orang pertama yang membawa masuk kitab-kitab bahasa Arab dan nahu ke Mesir ( Muṣṭafā ‘Abdul ‘Azīz al- Sinjārjīy, 1986 : 90 ).

Kemudian anaknya Muḥammad ibn Walīd atau Ibn Walad ( m 298 H ) berhijrah ke Baṣrah untuk mendapatkan kitab Sibawaih dan sempat berguru dengan al-Mubarrīd dan membaca *al-Kitāb* karangan Sībawayh kepadanya . Beliaulah orang pertama yang membawa masuk *al-Kitāb* Sībawayh ke Mesir . Manakala anaknya pula ‘Aḥmad ( m 332 H ) menjadi murid kepada al-Zajjājiy iaitu tokoh aliran Baghdād dan membawa aliran itu ke Mesir .

Pengajian bahasa Arab dan nahu terus berkembang dengan pesat pada abad yang ketiga melalui tokoh-tokoh linguistik yang berwibawa. Apabila pengajian bahasa Arab aliran Andalūsia telah mantap dan sempurna pada abad keempat, pengajian bahasa Arab di Mesir mula terpengaruh dengan metodologi mazhab Andalūsia. Pengaruh Andalūsia meresap dengan cepat di kalangan ahli-ahli linguistik Mesir melalui kitab-kitab mereka yang tersebar luas Mesir terutama kitab karangan Ibn Mālik. Selain itu ramai tokoh-tokoh aliran Andalūsia berhijrah ke Mesir.

Justeru, ahli linguistik Mesir banyak mendapat manfaat daripada metodologi dan pendapat-pendapat ahli-ahli linguistik daripada aliran –aliran mazhab Baṣrah, Kūfah, Baghdād dan Andalūsia. Di samping itu mereka juga banyak mengemukakan pendapat-pendapat mereka sendiri hasil daripada ijtihad mereka sehingga mereka dapat lahirkan mazhab baru yang dikenali dengan Mazhab Mesir. Mazhab Mesir merupakan kemuncak kepada mazhab –mazhab sebelumnya dan mazhab yang paling tersusun dan teratur dalam penulisan dan pembukuan bahasa Arab dan nahu (Shawqiy al-Ḍaif, 1967 : 327-364). Antara tokoh linguistik Mesir yang berjasa besar dalam mencipta ciri-ciri mazhab Mesir ialah Ibn al-Ḥājib ( m 646 H ), Ibn Hishām ( m 761 H ) dan al-Suyūṭiy ( m 911 H ).

Pengajian bahasa Arab aliran mazhab Mesir ini mempunyai ciri-ciri metodologi tersendiri sebagai satu mazhab, antaranya ialah :

1. Mengambil manfaat daripada metodologi aliran Baṣrah , Kūfah , Baghdād , Andalūsia serta ulamak-ulamak yang berhijrah ke Mesir .
2. Menyusun bahasa Arab dan nahu dengan gaya bahasa yang unit , teratur , dan sistematik seperti karangan Ibn Hishām dan al-Suyūṭiy .
3. Memperbaharui kaedah-kaedah dan teknik pengajaran disamping memudahkan penyelesaian permasalahan bahasa Arab .
4. Mengemukakan pendapat-pendapat baru hasil penerokaan dan ijtihad mereka sendiri.

## 2.5 KAJIAN TERDAHULU

Kajian tentang *al-mizan al-sarfiy* dan pembentukan pola kata kerja telah bermula sejak abad ke 2 di mana beratus-ratus kajian empirikal yang telah dilakukan oleh ratusan sarjana dan tokoh bahasa mengenainya telah dijalankan di kepulauan Arab . Penulisan mengenai *al-mizan al-sarfiy* dan pembentukan pola kata boleh dikategori kepada dua kelompok besar iaitu kelompok awal dan kelompok mutakhir .

Kelompok awal adalah mereka yang membicarakan ilmu saraf bersama dengan ilmu nahu . topik –topik ilmu saraf yang mereka bicarakan kebiasaanya bercampur aduk dengan ilmu nahu dalam buku nahu dan diolah secara tradisi . Mereka berpendapat bahawa ilmu saraf tidak boleh dipisahkan daripada bidang nahu . Penghuraian isi kandungan dan ulasan dalil-dalil yang terdapat dalam tulisan mereka khususnya dalil al-Quran , syair dan qasidah didapati hampir sama . Hasil ilmiah mereka diketahui melalui jalan periwayatan yang ditulis dalam kitab sejarah atau kitab –kitab terdahulu yang membincangkan biodata ahli bahasa . Hanya sebahagian kecil sahaja penulisan mereka yang menjadi rujukan primer kepada pengkaji disebabkan usia yang lama dan sukar diperolehi .

Kelompok awal ini dipelopori oleh Sībawayh ( m 180 H) yang telah menghasilkan buku karya ulungnya yang berjudul *al-Kitāb* . Kemudian antara karya-karya terkenal yang muncul selepas era Sībawayh dan turut mendeskripsikan

*al-mizan al-sarfiy* secara tradisi ialah buku yang berjudul *Taṣrīf* masing-masing karangan Ibn Kaisān ( m 120 H ), 'Aliy ibn al-Mubāarak al-'Aḥmar ( m 194 H ), al-Farrā' ( m 208 H ) dan al-Māziniy ( m 249 H ), *Taṣārīf* ditulis oleh al-Maktīmiy ( m 125 H ), *al-Muqtaḍab* hasil karangan al-Mubarrad ( m 285 H ). Begitu juga Ibn Jinniy ( m 392 H ) dengan kitabnya yang berjudul *al-Munṣif* , kitab *al-Shafiyyat* karangan Ibn Ḥājib ( m 646 H ), dan Ibn Mālik ( m 672 H ) dengan dua karyanya yang berjudul *al-'Alfiyyat* dan *al-Tashīl* .

Menurut 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini ( 1968 :105 ) orang yang pertama merintis jalan pemisahan ilmu saraf daripada ilmu nahu ialah al-Māziniy yang mengarang ilmu saraf sahaja lalu diikuti oleh ulamak selepasnya . Manakala Muḥammad 'Abdul Khāliq 'Uḍāimat ( 1955 a : 22-28 ) pula berpendapat bahawa antara sarjana Arab pertama yang menjadi pelupor dalam membicarakan *al-Mizan al-Ṣarfiy* atau *taṣrīf* secara khusus dalam karya yang berasingan ialah Muhammad ibn 'Umar ibn 'Abdul al-'Azīz yang lebih dikenali sebagai ibn al-Qūṭibat al-Qurṭūbiy ( m 367 H ) . Beliau menghasilkan satu karya yang lebih dikenali sebagai *'Af'āl Ibn al-Qūṭbat* mengandungi perbincangan tentang *taṣrīf* 'af'āl tetapi tidak disusun mengikut huruf abjad sebaliknya mengikut huruf *ḥalq* . Karya beliau tersebut turut mendapat perhatian daripada kalangan para sarjana kemudiannya . Antara mereka yang membuat ulasan dan penambahbaikan ke atas karya beliau ialah muridnya Abū 'Uthmān Sa'id ibn Muḥammad dan diikuti oleh al-Sarqisṭiy ( m 400 H ) dengan bukunya “ *kitāb al-'af āl* ” . Kemudian muncul 'Aliy ibn Ja'far al-Sa'adiy yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Qaṭṭā' ( m 515 H ) dengan bentuk penyusunan yang baru dan isi kandungannya lebih padat dan sempurna daripada sebelumnya .

Selepas itu muncul ramai lagi sarjana yang membicarakan tentang pembentukan kata kerja seperti 'Īsa ibn 'Abdul al-'Azīz dilahirkan pada ( m 550 H ) dengan risalah *al-'af 'āl al-mudāri'at* , 'As'ad ibn al-Muhazzab ( m 606 H ) dengan karya yang berjudul *Tahdhīb al-'Af 'āl* , 'Abū Mansūr Muḥammad ibn 'Aliy al-Jabbān dengan karya yang berjudul *'Abniyyat al-'Af'āl* , Muḥammad ibn Yaḥya ibn Ḥishām al-Khaḍrāwiy al-'Andalūsiy ( m 646 H ) dengan bukunya yang bertajuk *'Abniyyat al-'Af'āl* , 'Aḥmad ibn Yūsuf ( 691 ) dengan karyanya *Mustaqbilāt al-'Af'āl* ( Muḥammad 'Abdul Khāliq 'Uḍāimat ,1955 : 28 ) .

Kelompok mutakhir adalah mereka yang menulis tentang *al-Mīzān al-Ṣarfīy* peringkat pembentukan kata secara pengkhususan berpandukan metode kajian atau penulisan moden seperti kajian penghuraian , komentar , perbandingan , pengeditan dan sebagainya .

Pengkaji memperolehi sebanyak 13 kajian lepas yang dilihat mempunyai kaitan dengan tajuk yang dipilih dan membantu pengkaji dalam menyiapkan tesis ini . Kesemua kajian yang dipilih adalah daripada metode penghuraian iaitu .

### **1. Kajian Sībawayh ( m 180H )**

Kajian pertama yang diteliti ialah karya yang ditulis oleh 'Abū Bishr 'Amru bin 'Uthmān bin Qanbūr yang terkenal dengan panggilan Sībawayh yang berjudul *al-Kitāb* . Buku ini adalah karya ulung beliau dan merupakan kitab nahu dan saraf pertama yang lengkap dan mnjadi pegangan tokoh-tokoh linguistik selepasnya . Beliaulah

tokoh pertama yang membicarakan mengenai wazan bahasa Arab secara bertulis dan menjadi pedoman kepada generasi seterusnya . Meskipun perkataan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* tidak disebut dengan jelas dalam karyanya , namun penggunaan perkataan *tamrīn* , *riyāḍah* dan *taṣrīf* yang definisinya sama dengan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* yang masing-masing merujuk kepada wazan dan neraca bagi setiap kata bahasa Arab ( Sībawayh : 2 : 310 ). Pengkaji menjadikannya sebagai rujukan utama atau master piece terutama dalam mengenalpasti wazan-wazan kata kerja dalam bahasa Arab .

## 2. Kajian ‘Abū al-Faṭḥ ‘Uthmān ibn Jinny ( m 392 H )

Buku seterusnya yang diteliti adalah al-Munṣif tulisan ‘Abū al-Faṭḥ ‘Uthmān ibn Jinny ( m 392 H ). Buku ini merupakan penjelasan kepada buku *al-Taṣrīf* tulisan ‘Abu ‘Uthman al-Māziniy . Jilid pertama buku ini mengandungi perbincangan mengenai ilmu *taṣrīf* dan kepentingannya dalam bahasa Arab . Asal-usul penerbitan suatu kata serta proses pembentukan kata seperti *‘ilāl* dan *ibdāl* telah dibincang dengan terperinci . Di awal perbincangannya , beliau menekankan kepentingan *qiyās* dalam pemerolehan serta penerbitan kata bahasa Arab. Justeru beliau mengemukakan wazan – wazan *‘aṣliy* yang menjadi kayu pengukur kepada kesahihan dan kesalahan suatu kata. Kajian beliau ini amat penting bagi pengkaji terutama dalam mengenalpasti wazan –wazan *‘aṣliy* yang boleh *dīqiyās* serta proses pembentukan kata. Pengkaji akan mengambil manfaat daripada kajian Ibn Jinny ini untuk mengenalpasti bentuk wazan bagi kata kerja serta persamaan dan perbezaan antara wazan *‘aṣliy* dan kata *al-mawzūn* dalam kajian pengkaji nanti .



### 3. Kajian Riḍa'uddin Muḥammad bin al-Ḥasan Iṣṭrabāziy ( m 686 H )

Buku yang ditulis oleh Riḍa'uddin Muḥammad bin al-Ḥasan Iṣṭrabāziy bertajuk “Sharḥ Shāfiyyah Ibn Ḥājib ” dan *ditaḥqīq* oleh Muḥammad Nur al-Ḥasan ( 1982 ). Buku ini mengandungi empat jilid . Bab pertama membicarakan tentang biodata pengarang , kemudian disusuli dengan pengenalan tentang ilmu *taṣrīf* , golongan kata dan wazan-wazannya . Jilid kedua pula berkisar tentang pembentukan kata nama *al-manṣūb* , kata nama *jamak taksīr* serta hubungan *ishtiḳāq* dengan huruf –huruf imbuhan . Jilid ketiga pula beliau memfokuskan kepada proses –proses morfologi yang berlaku dalam pembentukan kata seperti pengguguran, pengimbuhan , pengalihan , penyerapan dan penyuraian, penukaran dan sebagainya . Manakala jilid keempat pula mengenai ulasan *shawāhid- shawāhid* yang terdapat dalam kitab *shāfiyyah Ibn Ḥājib* .

Jika diperhatikan kepada kandungan yang terdapat dalam buku ini , hanya jilid pertama dan ketiga sahaja yang ada kaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Manakala perbezaannya ialah pengkaji memfokuskan kepada mengenalpasti bentuk wazan serta ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata kerja *al-mawzun* mengikut aras perubahan morfologi .

#### 4. Kajian Ibn Mālik ( m 672 H )

Ibn Mālik telah mengukir sebanyak 1002 rangkap puisi yang merangkumi segala permasalahan nahu dan saraf . Rangkap puisi beliau ini dihimpun dalam buku yang bertajuk “ ‘Alifiyyah Ibn Mālik” . Buku puisi beliau ini telah dibuat pengulasan dan penghuraian oleh ramai tokoh-tokoh bahasa terkemuka . Antaranya ialah beliau sendiri , *Badrud-din* iaitu anaknya , *Ibn ‘Aqīl* , *‘Ushmūniy* , *al-Makūdiy* , *Ibn ‘Abī Qāsim* dan lain-lain . Hasil pemerhatian , pengkaji mendapati rangkap puisi yang menyentuh permasalahan saraf adalah sebanyak 200 rangkap puisi dan selebihnya adalah berkaitan dengan nahu sebanyak 802 rangkap puisi . Namun segala puisi yang berkaitan permasalahan saraf bukan terbatas kepada pembentukan kata dan wazan sahaja tetapi turut berkisar tentang kedudukan dan penggunaannya dalam ayat serta bentuk *‘irābnya* . Pengkaji banyak mengambil manfaat daripada buku puisi beliau ini terutamanya wazan-wazan kata nama *mushtāq* serta *‘ilāl* dan *‘ibdāl* untuk menyiapkan tajuk tertentu dalam kajian pengkaji nanti .

#### 5. Kajian Ibn ‘Uṣfūr ( m 669 H )

Buku seterusnya yang diteliti adalah “ al-Mumti” karangan Ibn ‘Uṣfūr ( m 669 H ) Buku ini mengandungi perbincangan tentang ilmu saraf yang dianalisis secara terperinci serta disokong dengan berbagai-bagai hujah dan dalil . Pada permulaan buku ini pengarang telah menekankan tentang kemuliaan ilmu saraf dan hubungannya dengan ilmu *ishtiḳāq* . Pengarang telah membahagikan kandungan

buku ini kepada dua fasal . Fasal pertama membicarakan tentang berbagai-bagai pola dan wazan kata mengikut makna serta perubahan pada struktur kata. Dalam menjelaskan isu-isu berkaitan ilmu saraf pengkaji mendapati pengarang lebih cenderung kepada menghubungkan ilmu saraf dengan ilmu nahu dan leksikon ( perkamusan ) sehingga menjadikannya lebih mantap. Fasal kedua pula membicarakan tentang *ibdāl* dan proses-proses yang berlaku pada struktur kata seperti pengguguran, pengimbuhan, pengalihan , penyerapan dan penyuraian , penukaran dan sebagainya .

Perbezaan yang wujud antara buku ini dan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah pengarang tidak menfokuskan kepada bentuk wazan bagi setiap kata dan menyatakan persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* selepas selesai proses morfologi dan fonologi .

## **6. Kajian 'Aḥmad al-Ḥamalāwiy ( 1995 )**

Begitu juga dengan 'Ahmad al-Hamalawiy yang menulis buku bertajuk “ Shadha al-‘Arf Fi Fann *al-Ṣarf* “ . Buku ini ditulis pada tahun 1894 dalam tiga fasal untuk mengetengahkan perbincangan mengenai ilmu saraf . Pada permulaan perbincangan beliau menjelaskan tentang definisi ilmu saraf , tajuk perbincangannya , pengasasnya , permasalahan dan manfaatnya serta hukum mempelajarinya . Seterusnya beliau menjelaskan tentang fungsi dan peranam *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata . Pada fasal pertama beliau membincangkan pembahagian

kata kerja kepada tujuh bahagi iaitu kala lepas , kala kini kata kerja perintah , kata kerja *ṣahīḥ* dan kata kerja mu'tal serta subgolongannya , kata kerja *mujarrad* dan *mazīd* , kata kerja *jāmid* dan kata kerja *mutaṣarrif* , kata kerja aktif dan pasif , kata kerja transitif dan tak transitif , dan seterusnya kata kerja *taukīd* dan tak *taukīd* . Fasal kedua beliau membicarakan tentang pembahagian kata nama *jāmid* dan *mushtaq* . Manakala fasal ketiga pula beliau membicarakan proses-proses morfologi dan fonologi yang mendasari pembentukan kata nama dan kata kerja seperti seperti pengguguran, pengimbuhan , pengalihan penyerapan dan penyuraian , penukaran , dan sebagainya .

Perbezaan yang wujud antara buku ini dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji ialah pengarang tidak memfokuskan kepada bentuk wazan bagi setiap kata serta tidak menyenaraikan ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliy* dan kata kerja *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi .

## **7. Kajian Muṣṭafā 'Aḥmad al-Nuḥās ( 1983 )**

Muṣṭafā 'Aḥmad al-Nuḥās ( 1983 ) dalam kajiannya yang bertajuk *Ṣīghat 'Af'ala baina al- Naḥwiyyin wa al-Lugawiyyinwa isti'mālatuhā al-'Arabiyyat* turut memberi tumpuan khusus kepada *al-Mīzān al-Ṣarfīy*, pola kata kerja dan penggunaannya yang terdapat dalam bahasa Arab. Pelbagai aspek telah dibincangkan termasuk pembentukan pola kata kerja , perubahan makna dan pendapat-pendapat pakar bahasa mengenai pemakaiannya. Keseluruhan kajian beliau lebih bersifat

deskriptif dan boleh membantu penulis membuat kajian analisis pembentukkan pola kata kerja bahasa Arab berasaskan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* .

## 8. Kajian Fakhruddin Qabāwah ( 1988 )

Selain itu kemunculan karya tulisan Fakhruddin Qabāwat ( 1988 ) yang berjudul “*Taṣrīf al- 'Asmā' wa 'Af'āl*” juga banyak menyentuh tentang kepentingan ilmu morfologi khasnya yang berkaitan dengan pembentukan pola-pola kata bahasa Arab. Kajian beliau boleh dianggap satu ringkasan lengkap dan mencakupi pelbagai aspek berhubung dengan pembentukan kata kerja , pembentukan kata nama *mushtaq* dan sebagainya . Kajian analisis *Isnād al-fi'l 'Ila Ḍamā'ir* ( gandingan kata kerja dengan kata ganti nama diri ) dalam tulisan beliau bertujuan memperlihatkan bahawa gandingan kata kerja dengan unsur tersebut menyebabkan berlaku perubahan morfologi dan sintaksis yang berkaitan *'irāb* . Hasil kajian beliau merumuskan bahawa kata kerja kala lepas , kata kerja kala kini dan kata kerja perintah dalam semua jenis kata kerja samada *ṣaḥīḥ* ataupun *mu'tal* tidak terkecuali daripada perubahan pada struktur kata apabila bergandingan dengan *ḍamīr* مَرْفُوع // *muttaṣil marfū'* // مُتَّصِلٌ .

Kajian beliau amat sesuai dijadikan panduan dan rujukan bagi mereka yang tidak mempunyai asas dalam bidang morfologi bahasa Arab . Hasil kajian beliau sedikit sebanyak telah memberi ilham kepada penulis untuk membuat kajian mengenai proses pembentukan pola khususnya pola kata kerja bahasa Arab berasaskan kaedah *al-Mīzān al-Ṣarfīy* .

## 9. Kajian Maḥmūd Sulaimān Yāqūt ( 1994 )

Kemudian muncul pula kitab *al-Ṣarf al-Ta'limiy :wa Tatbīq fī al- Quran* karya Maḥmūd Sulaimān Yāqūt ( 1994 ) . Kajian beliau ini banyak memaparkan elemen-elemen teras yang diperlukan dalam bidang morfologi Arab terutama berkaitan *al-Mīzān al-Ṣarfiy* , *ishtiqaq* , imbuhan kata nama dan kata kerja , proses aimilasi dan sebagainya . Teori morfologi yang ditonjolkan dalam kajian beliau, kebanyakannya diolah dalam bentuk dan bahasa yang mudah difahami . Selain itu setiap istilah-istilah morfologi yang berkaitan dihurai dengan terperinci . Kajian beliau amat berguna kepada penulis untuk mendapatkan idea terutama dalam aspek *al-Mīzān al-Ṣarfiy* .

## 10. Kajian Khadijah 'Abd Razāq al-Ḥadīthiy ( 1963 )

Kajian Khadijah 'Abd Razāq al-Ḥadīthiy ( 1963 ) iaitu '*Abniyyat al-Ṣarfiy Fī Kitāb Sībawayh* yang merupakan tesis ( M.A ) di Universiti Kaherah . Kajian morfologi dalam karya beliau ini lebih tertumpu kepada pandangan tokoh terulung linguistik Arab iaitu Sībawayh . Beliau banyak menyentuh mengenai konsep *al-Mīzān al-Ṣarfiy* dan pembentukan pola-pola kata dalam bahasa Arab . Kebanyakan pola dan makna sesuatu kata yang dikemukakan adalah berdasarkan pandangan dan kaedah-kaedah yang diperkenalkan oleh Sībawayh . Segala huraian dan ulasan yang diolah dalam karya ini lebih bersifat ulasan pandangan Sībawayh . Justeru , terdapat

beberapa pola yang sudah tidak produktif masih dimuatkan dalam karya ini . Namun karya ini amat membantu penulis dalam menjalankan kajian berkaitan dengan bidang *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dan pembentukan pola kata kerja bahasa Arab dalam konteks pelajar Melayu .

### 11. Kajian Zainul Kāmil al-Khūsikiy ( 1983 )

Begitu juga dengan karya *al-Zawā'id wa al-Ṣiyaghi fī Lughat al-'Arabiyyat fī al-'Af'āl* yang ditulis oleh Zainul Kāmil al-Khūsikiy ( 1983 ), merupakan tesis sarjana di Universiti Iskandariah , Mesir . Kajian beliau lebih berbentuk deskriptif dan banyak menyentuh mengenai makna-makna dan fungsi kata kerja dalam bahasa Arab. Setiap makna yang di berikan disokong dengan contoh-contoh daripada surah al-Baqarah dan teks –teks syair Arab jahiliyah . Kajian makna yang ditonjol oleh beliau boleh dikatakan lengkap dan boleh menjadi rujukan dan panduan kepada pengkaji .

### 12. Kajian al-Sakākiy ( m 626 H )

Kajian *Isnād al-fī'l Ilā Ḍamā'ir* sudah menjadi satu kepastian dalam bidang morfologi peringkat pembentukan kata bahasa Arab . Antara kajian - kajian awal yang merintis kajian *al- ḍamā'ir* ialah al-Sakākiy ( m 626H ) dalam kajiannya “*miftāḥ al-'ulūm* . Menurut beliau, *ḍamir* terbahagi kepada 4 bentuk iaitu مَرْفُوع

مُتَّصِلٌ مَرْفُوعٌ // *munfaṣil maṣṣūb* // , مُنْفَصِلٌ مَرْفُوعٌ // *munfaṣil marfū'* // , مُنْفَصِلٌ مَرْفُوعٌ

// *muttaṣil marfū'* // dan مُتَّصِلٌ مَرْفُوعٌ // *muttaṣil maṣṣūb* // . Bentuk مُتَّصِلٌ مَرْفُوعٌ

// *muttasil marfū'* // dan مُتَّصِلٌ مَرْفُوعٌ // *muttasil maṣṣūb* // adalah bentuk yang

lemah dan tidak boleh berdiri sendiri sebaliknya bersambungan di akhiran kata kerja. Namun gandingan bentuk *muttaṣil marfū'* adalah utuh dan tidak boleh dipisahkan sehingga boleh mempengaruhi struktur kata kerja berbanding bentuk *muttaṣil maṣṣūb* yang boleh bersambungan dengan kata nama dan partikel . Kajian beliau lebih banyak menyentuh tentang teori kewujudan *dāmīr marfū'* daripada mempamirkan secara jelas bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliyy* dan kata kerja ketika bersambungan dengan *dāmīr marfū'* .

### 13. Kajian Ibn 'Aqīl ( m 513 H )

Kajian Ibn 'Aqīl dalam *Sharḥ Ibn 'Aqīl* juga turut mengupas secara ringkas mengenai *isnād al-fi'l ilā ḍamā'ir*. Tumpuan kajian beliau lebih tertumpu kepada contoh-contoh kata kerja kala lampau , kata kerja kala kini dan kata kerja perintah dalam kategori *ṣaḥīḥ* sahaja. Kajian beliau tidak menghuraikan bagaimana proses pola kata kerja tersebut dibentuk mengikut aras perubahan morfologi yang berlaku . Dalam huraian beliau tidak menyentuh secara khusus ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliyy* dan kata kerja ketika bergandingan dengan *dāmīr marfū'* .



Selain itu terdapat banyak usaha sarjana – sarjana Arab mutakhir tampak lebih beragam sifatnya dalam menghasil deretan buku penting yang mendeskripsikan mengenai pembentukan kata kerja dalam bahasa Arab yang agak baru ditulis. Umpamanya Muhammad Maḥyuddin ‘Abdul Ḥamīd ( t.t ) menulis *Takmilah Fi Taṣrīf al- ‘Af‘āl* , Fu’ād Ni‘mat ( tt ) dengan bukunya *Mulakhas Qawā‘id al- ‘Arabiyyah* , ‘Abduh Rājīḥiy ( 1985 ) dengan bukunya *al-Taṭbīq al- Ṣarf* , al-Ghalāyīniy Muṣṭafā ( 1987 ) menulis *Jāmi’ al-Durūs al- ‘Arabiyyha* , Muḥammad ‘Abdul Khāliq ‘Aḍīmah ( 1962 ) dengan bukunya *al-Mughni Fī Taṣrīf al- ‘Af‘āl* . ‘Abdul Mālik ‘Abdul Rahmān al-Sa’diy ( 1973 ) menulis “ *Izālat al-Quyūd ‘An al- ‘Alfāz al-Maqṣūd Fī Fan al-Ṣarf* ” , ‘Anṭuan al-Daḥdaḥ ( 1987 ) yang menulis “ *Mu‘jam Qawā‘id al-Lughah al- ‘Arabiyyah* ”. Tammām Ḥassān ( 1985 ) yang menulis buku “ *al-Lughah al- ‘Arabiyyah Ma’nāha wa Mabnāha* ”. ‘Ibrāhīm al-Sāmarā’iy ( 1986 ) dengan bukunya “ *al-fi’l Zamanuhu wa ‘Abniyyatuhu* ” dan lain-lain lagi .

Kajian tentang *al-Mizān al-Ṣarfīy* peringkat pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* masih dianggap baru di Malaysia . Terdapat usaha sarjana-sarjana di Malaysia terutamanya di peringkat pengajian tinggi yang merupakan tesis dan disertasi sarjana dalam ijazah tinggi dan juga makalah–makalah dalam jurnal-jurnal akademik yang mendeskripsikan mengenai aspek-aspek tertentu pembentukan kata kerja bahasa Arab . Di antara kajian ini ialah “ *Derivasi kata kerja mu’tal dalam bahasa Arab* ” tulisan Mohd Zaki bin Abd Latiff ( 2003 ) , iaitu kajian disertasi sarjana ( M.M.L.S ) di Universiti Malaya. Kajian beliau banyak menyentuh aspek – aspek yang berkaitan dengan kata kerja *mu’tal* yang perlu diambil perhatian

oleh setiap pelajar . Beliau banyak menumpukan kepada pembentukan pola kata kerja yang melibatkan kewujudan huruf ‘*illah*’ dalam perkataan . Hasil kajian beliau dapat membantu para pelajar menangani permasalahan yang berkaitan dengan huruf ‘*illah*’ terutama dalam pembentukan kata . Kajian beliau ini , menjadi rujukan kepada penulis terutama berkaitan dengan huruf ‘*illah*’ dalam proses pembentukan kata .

Demikian juga kajian Muhammad Sabri bin Sahir ( 2002 ), yang berjudul “ *Kata kerja perintah dalam Bahasa Arab : Pola dan Kegunaannya* ” merupakan disertasi sarjana ( M.M.L.S ) di Universiti Malaya . Tumpuan kajiannya hanya kepada kata kerja perintah sahaja . Beliau banyak menghuraikan bagaimana proses pola kata kerja perintah dibentuk dan perubahan yang berlaku serta penggunaannya yang tepat dalam suatu ayat . Dalam huraian beliau tidak menyentuh secara khusus *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dan peranannya terhadap pembentukan kata kerja perintah .

Selain itu , kajian ilmiah yang ditulis oleh Mohd Zaki bin Abd Rahman ( 2001 ) yang berjudul “ *Huruf Dalam Bahasa Arab : Nilai dan Kegunaannya* ”, juga merupakan tesis ( PhD ) di Universiti Malaya . Kajian beliau lebih tertumpu kepada menghuraikan ciri-ciri huruf dalam bahasa Arab yang menjadi teras kepada pembentukan kata . Kepelbagaian perubahan yang berlaku pada huruf menjadikan ia memerlukan penjelasan dan pengkaedahan yang sistematik bagi mengatur setiap huruf di dalam sesuatu perkataan dengan cara betul . Dalam kajian ini , beliau juga menyentuh beberapa aspek morfologi peringkat pembentukan pola kata secara ringkas tanpa memberi penekanan khusus kepada kata kerja .

Dalam usaha menjalankan kajian ini, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mendapatkan kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini . Setakat ini belum terdapat kajian ilmiah dalam bahasa Melayu yang memberi perhatian secara terperinci khususnya berkaitan *al-Mīzān al-Şarfiy* peringkat pembentukan pola kata kejadian kata nama *mushtaq* bahasa Arab . Kajian ilmiah yang berkaitan dengan kajian ini , penulis dapati kebanyakannya daripada karya-karya bahasa Arab yang ditulis oleh tokoh-tokoh terkemuka .

## **2.6 PENUTUP**

Sejarah telah melakarkan bahawa ilmu saraf berkembang seiring dengan ilmu nahu dan mempunyai satu wadah iaitu memelihara kesucian al-Quran . Pengasas dan pelopor ilmu saraf tidak diketahui dengan jelas kerana proses kelahirannya mengambil masa yang agak lama dan melalui proses yang panjang di dalam masyarakat . Namun selepas kelahiran Sībawayh di awal kurun ke 2 dan penerbitan bukunya yang berjudul *al-Kitāb* , maka ilmu saraf mula dikenali dan para sarjana pun mula banyak membicarakan atau menulis tentang topik – topik yang berkaitan ilmu saraf secara berasingan dengan ilmu nahu .

Pada peringkat permulaan perbahasan ilmu saraf dimasukkan ke dalam isi kandungan ilmu nahu dan tersebar kedua-duanya sebagai ilmu nahu . Percampuran ini berlaku secara berterusan sejak sekian lama hingga muncul sarjana yang mengambil inisiatif sendiri memisahkan ilmu saraf daripada ilmu nahu . al-Māziniy ( m 249 H ) merupakan orang pertama merintis jalan pemisahan tersebut lalu diikuti oleh ulama lain selepasnya .

Kajian ilmiah berkaitan dengan *al-Mīzān al-Ṣarfiy* yang merupakan “*abjadiyyah*” dalam ilmu saraf kebanyakannya dihasilkan oleh sarjana-sarjana Arab yang terulung seperti Sībawayh, al-Māziniy, Ibn Jinniy dan lain-lain. Hanya segelintir sahaja sarjana-sarjana Melayu , terutamanya di peringkat pengajian tinggi yang membicarakan tentang *al-Mīzān al-Ṣarfiy* dan mengupas mengenai aspek-aspek tertentu pembentukan pola kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab dalam tesis dan disertasi.

Penulisan mengenai *al-Mīzān al-Ṣarfiy* dan pembentukan pola kata kerja yang telah dilakukan oleh sarjana dan tokoh bahasa dari kelompok awal dan kelompok mutakhir kebanyakannya menggunakan metode yang hampir sama iaitu metode penghuraian . Justeru , pengkaji belum menemui satu karya lengkap dan komprehensif yang menepati matlamat kajian pengkaji iaitu memberi tumpuan kepada bentuk-bentuk wazan serta mengenalpasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara wazan *’aṣliy* dan kata kerja *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi. Oleh yang demikian kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji nanti adalah berbeza dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh tokoh-tokoh bahasa terdahulu .

